

Enam rumah rosak dan musnah manakala puluhan lagi terpaksa bersih pasir di kediaman

Oleh Hazira Ahmad Zaidi
am@hmetro.com.my
Kota Bharu

Seperti ombak tsunami. Itu yang dirasakan penduduk Kampung Pulau Kundur, Pantai Cahaya Bulan (PCB), di sini, sejak beberapa hari lalu.

Penduduk mendakwa air pasang besar yang berlaku sejak tengah malam Ahad lalu tidak seperti sebelum ini.

Sekurang-kurangnya enam rumah rosak teruk dan musnah kesan daripada fenomena itu manakala puluhan lagi terpaksa membersihkan pasir pantai yang masuk ke dalam rumah bersama air laut.

Penduduk, Nafisah Salleh, 45, berkata, tidak pernah menjangkakan keadaan teruk berlaku mengikatkan beberapa bahagian dinding rumahnya yang diperbuat daripada kayu tercabut.

“Sebaik dinding tercabut, saya dan suami, Mustapha Hassan, 59, mula sedar keadaan semakin bahaya untuk kami tinggal dalam rumah. Saya dapat rasa gegaran apabila ombak besar

menghempas pantai.

“Disusuli angin kencang, keadaan ketika itu sangat menakutkan. Macam tsunami pula,” katanya yang menghuni pusat pemindahan sementara di bilik gerakan di Sekolah Kebangsaan (SK) Pulau Kundur, di sini, sejak Isnin lalu.

Nafisah menetap sementara di pusat itu bersama Mustapha dan lima anak berusia 16 hingga 25 tahun.



FAKTA
Mangsa ditempatkan di pusat pemindahan sementara

FENOMENA AIR PASANG BESAR

Bagaimana tsunami



MAZLAN (kiri) meninjau rumah yang roboh akibat ombak besar di Pantai Pulau Kundur, Kuala Besar. Gambar kecil, Mazlan (dua dari kiri) melihat keadaan pesisir pantai akibat fenomena air pasang besar.

Suri rumah itu berkata, dia bersyukur kerana kediamannya masih boleh diduduki berbanding beberapa jiran sekampung yang rosak teruk.

Sementara itu, Awang Lah Mat Sih, 54, berkata, hampir separuh bumbung rumahnya diperbuat daripada zink hilang kerana diterbangkan angin.

“Ketika angin kencang jam 2 pagi, Selasa, saya sempat memanjat bumbung untuk menyelamatkan beberapa zink bagi mengelak rumah tempas kena air laut.

“Ketika itu saya hanya fikir keselamatan anak dan isteri saja kerana tidak mahu mereka basah dan sakit. Tapi disebabkan cuaca semakin buruk, akhirnya kami berpindah,” katanya.

Segera tambak pantai terjejas

Kuala Nerus: Kerajaan negeri akan melakukan segera kerja penambakan di tiga pantai yang mengalami hakisan akibat fenomena air pasang besar iaitu Pantai Paka di Dungun, Setiu Wetland di Setiu dan Tanjung Gelam, di sini.

Menteri Besar Datuk Seri Ahmad Razif Abd Rahman berkata, kerja penambakan itu dilakukan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) bermula minggu depan.

Menurutnya, Kerajaan Pusat meluluskan peruntukan RM8 juta bagi kerja penambakan di Pantai Paka bermula tahun depan.

Bagi penambakan kawasan pantai Setiu Wetland

pula, Ahmad Razif berkata, Kerajaan Pusat turut meluluskan peruntukan segera RM10 juta.

Katanya, bagi Pantai Tanjung Gelam pula, kerja menambak batu di pesisir pantai dibuat bermula dari Kampung Tok Jembal hingga ke pantai berhampiran Universiti Malaysia Terengganu (UMT).

(UMT) sepanjang 250 meter dan disambung hingga ke Pantai Tanjung Gelam sejauh satu kilometer

“Untuk jalan penyelesaian segera, kerajaan negeri mengeluarkan peruntukan RMI juta bagi menambak kawasan pantai terbabit dan

kerja penambakan itu sedang berjalan,” katanya selepas melawat rumah penduduk yang terjejas dalam fenomena air pasang besar di Pantai Tanjung Gelam, di sini, malam kelmarin.

Hadir sama, Pengarah JPS CC Poobalan dan Ketua Polis Terengganu Datuk Rosli Ab Rahman.

Sementara itu, tujuh keluarga yang kediaman mereka terjejas akibat fenomena itu diberi dua pilihan penempatan baru sama ada memilih Rumah Mampu Milik (RMM) bernilai RM68,000 sebuah atau membina sendiri kediaman di atas tanah yang disediakan kerajaan negeri.